



SIARAN MEDIA

PROGRAM ADVOKASI ANTI GANGGUAN SEKSUAL DIPERKUKUH

BINTULU, SARAWAK, 26 SEPTEMBER 2025 - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri hari ini merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan sebagai usaha dan komitmen kerajaan MADANI melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu gangguan seksual.

Program yang menghimpunkan penjawat awam, wakil badan korporat, pelajar, tenaga pengajar serta komuniti setempat ini dianjurkan sebagai tanda solidariti dan kebersamaan semua pihak berkepentingan bagi membina persekitaran yang lebih selamat dan kondusif.

Usaha memperkukuh pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] yang dikuatkuasakan sepenuhnya pada 8 Mac 2024, adalah seiring penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS). TAGS telah mula beroperasi sebagai saluran alternatif yang pantas, mudah dan berkos rendah untuk mangsa menuntut hak tebus rugi. Sehingga akhir Ogos tahun ini sebanyak 49 aduan telah difailkan ke TAGS, dan 48 daripadanya telah berjaya diselesaikan.

Gangguan seksual bukan isu remeh dalam masyarakat dan tidak boleh dinormalisasi. Ianya memberi kesan emosi, psikologi dan sosial yang serius kepada mangsa. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 477 kes direkodkan pada 2022, manakala pada tahun 2023 sebanyak 522 kes dilaporkan. Sementara itu pada tahun lepas telah melonjak kepada 788 kes dan sehingga Jun tahun ini sebanyak 409 kes telah direkodkan. Peningkatan ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat semakin tinggi hasil pengukuhan program advokasi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) berharap menerusi pelaksanaan program seumpama ini semua pihak terlibat dan seluruh masyarakat dapat memainkan peranan aktif dalam menolak sebarang bentuk gangguan seksual, selain terus memberi sokongan moral kepada mangsa agar mereka tidak berasa bersendirian dalam menuntut keadilan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

26 SEPTEMBER 2025